

11 JUN 2001

Hakim-Identiti

PEMANGGIL ADALAH BEKAS PEGAWAI TINGGI DALAM BADAN KEHAKIMAN, KATA HAKIM

Oleh: Sabarina Baharom

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Muhammad Kamil Awang hari ini berkata "pemanggil" yang mengarahkan beliau membatalkan petisyen pilihan raya Likas adalah bekas pegawai berpangkat tinggi dalam badan kehakiman.

Bagaimanapun, beliau enggan menamakan orang itu.

Ditanya oleh pemberita sama ada orang itu adalah bekas pegawai tertinggi sama ada di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Sabah dan Sarawak, beliau berkata: "Ya...anda fikir siapa lagi yang boleh berikan arahan kepada seorang hakim?"

Muhammad Kamil, yang dipindahkan ke Mahkamah Sivil Kuala Lumpur pada Februari, dikerumuni pemberita di pejabatnya di Wisma Denmark di sini petang ini, selepas Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah mengeluarkan kenyataan kepada media bahawa terpulang kepada hakim itu untuk mendedahkan identiti pemanggil berkenaan.

Dalam penghakimannya di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu Jumaat lepas, semasa mengisytiharkan keputusan pilihan raya kawasan Dewan Undangan Negeri Likas pada pilihan raya negeri Sabah 1999 sebagai tidak sah dan batal, Muhammad Kamil berkata beliau telah diberi arahan melalui satu panggilan telefon supaya membatalkan dua petisyen yang mencabar keputusan pilihan raya itu.

"Pada pendapat saya ia adalah satu penghinaan terhadap kebijaksanaan seseorang itu apabila diberikan arahan melalui telefon bahawa petisyen ini patut dibatalkan tanpa perbincaraan," katanya dalam penghakiman itu.

Ditanya bila beliau menerima arahan itu, Muhammad Kamil berkata panggilan itu diterima selepas beliau ditugaskan mendengar petisyen pilihan raya itu pada 1999.

Katanya sebelum perbincaraan bermula, terdapat beberapa bantahan awal dikemukakan.

"Saya mahu mengetepikan semua isu teknikal ini demi keadilan...ketika itulah bila panggilan itu diterima."

Muhammad Kamil, yang dijadual bersara pada 25 Jun ini kerana mencapai umur 65, berkata beliau memberitahu pemanggil itu bahawa "ini adalah kes saya, ia adalah keputusan saya dan saya mahu bersikap adil. Jika anda mahu saya berbuat sesuatu, saya minta anda berikan nota bertulis kepada saya."

Katanya jika beliau menerima arahan itu secara bertulis daripada pemanggil itu, adalah lebih mudah untuk beliau membuat laporan polis.

Muhammad Kamil berkata beliau tidak takut dengan akibatnya dan malahan telah menolak juruiring polis kerana "saya tidak melakukan sebarang kesalahan".

Sebelum ditukarkan ke Kuala Lumpur, Muhammad Kamil ditukarkan ke Kelantan dari Kuching.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim menggesa Muhammad Kamil supaya menamakan orang yang mengarahkan beliau untuk membatalkan petisyen pilihan raya itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut ditanya pemberita semalam mengenai komen Muhammad Kamil itu, dipetik sebagai berkata bahawa adalah sukar bagi kerajaan untuk campurtangan dalam badan kehakiman kerana ia sebuah badan bebas dalam sistem pentadbiran negara.

Dr Mahathir berkata jika kerajaan mengganggu para hakim, mereka akan menganggapnya sebagai campurtangan dalam badan kehakiman.

Muhammad Kamil mengisytiharkan keputusan pilihan raya Likas pada Mac

Mac 1999 sebagai batal dan tidak sah selepas memutuskan bahawa pengundi hantu, termasuk bukan warganegara telah mengundi pada pilihan raya itu.

Hakim itu berkata beliau melaporkan perkara itu kepada Mohamed Dzaiddin sebaik sahaja beliau dilantik Ketua Hakim Negara Disember lepas.

Beliau turut menulis sepucuk surat kepada Ketua Hakim Negara dengan mendedahkan nama pemanggil itu tetapi setakat ini surat itu masih belum dihantar.

"Saya akan hantar surat itu kepada beliau dalam masa beberapa hari ini. Sudah menjadi tanggungjawab saya untuk melaporkan kepada Ketua Hakim Negara dan terpulang kepada budi bicara beliau untuk mengambil sebarang bentuk tindakan.

"Pemanggil itu memperkenalkan dirinya tetapi tidak menyatakan kenapa," katanya.

Muhammad Kamil berkata beliau menceritakan kejadian itu kepada hakim-hakim lain di Sabah dan Sarawak dan seorang atau dua daripada mereka memberitahu beliau bahawa mereka turut menerima arahan serupa melalui telefon daripada orang yang sama.

"Mereka (hakim-hakim) bertanya saya apa yang patut dibuat dan saya memberitahu mereka supaya bertindak menurut suara hati nurani mereka," katanya.

Ditanya sama ada pemanggil itu masih berkhidmat dalam kerajaan, beliau berkata: "Saya tidak boleh jawab soalan itu, ia terlalu sensitif."

Semasa ditanya sama ada pemanggil itu adalah pegawai atasannya, hakim itu berkata: "Mungkin".

Beliau berkata pada masa itu hanya tiga pegawai atasannya boleh mengarahkan beliau -- Ketua Hakim Negara pada masa itu Tun Eusoff Chin, Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Chong Siew Fai.

Ketika ditanya jika ia adalah Eusoff Chin, beliau sambil tersenyum berkata: "Tekaan anda adalah sama baik dengan saya tetapi semua peguam memang kenal siapa dia."

Menyentuh mengenai kesan pendedahan beliau, dalam penghakimannya yang kini menjadi sebutan ramai, terhadap badan kehakiman, Muhammad Kamil berkata: "Saya berharap secara tidak langsung cara saya yang tersendiri ini, ia akan memulihkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman.

"Saya tidak melakukannya untuk rakyat Sabah tetapi saya lakukannya demi keadilan."

Muhammad Kamil berkata beliau membuat pendedahan itu mengikut suara hati nuraninya memandangkan ia adalah satu kebenaran dan beliau sebagai seorang hakim perlu bertindak tanpa rasa takut dan pilih kasih.

"Taat setia saya bukan kepada manusia tetapi kepada Tuhan," katanya.

Dalam penghakimannya pada Jumaat, Muhammad Kamil berkata: " Ia adalah dengan penuh rasa tanggungjawab dan mata terbuka saya mendengar petisyen ini. Tuhan telah memberikan kekuatan dan ketabahan kepada saya, dan sebagai makhluk yang lemah, bertindak tanpa rasa takut atau pilih kasih, demi kerana takut melanggar sumpah jawatan dan mengorbankan keadilan dan lebih-lebih lagi, untuk benar-benar bertindak sebagai seorang hakim dan bukannya sebagai seorang "pak turut".

Dan beliau hari ini menambah: " Satu arahan telah diberikan kepada saya dan saya enggan mematuhi".

Menjawab soalan lain, beliau berkata tiada siapa dari Pejabat Peguam Negara atau dari kementerian Dr Rais telah menghubunginya berhubung perkara itu.

Ditanya mengenai rancangan persaraannya, beliau hanya berkata: "Saya bercadang untuk berehat".

-- BERNAMA

SBB AU RHM

